

## **TAHAP MINAT DAN PENCAPAIAN MEMBACA GENRE BAHAN BACAAN ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR BACELOS UNIVERSITI AWAM**

**Noor Adawiyah Ahmad Radzi<sup>1</sup>  
Nik Farhan Mustapha<sup>2</sup>  
Pabiyah Hajimaming @ TokLubok<sup>2</sup>  
Kolej Universiti Islam Melaka<sup>1</sup>  
Universiti Putra Malaysia<sup>2</sup>**

### **Abstrak**

Hubungan di antara minat sesuatu topik yang dipelajari dengan pencapaian dalam topik tersebut menjadi fokus utama sarjana kini. Menurut mereka, pembelajaran akan menjadi lebih mudah dan pencapaian akan menjadi lebih baik sekiranya seseorang mempunyai minat yang mendalam terhadap perkara yang dipelajarinya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap minat membaca genre bahan bacaan Arab dan mengenal pasti tahap pencapaian membaca genre bahan bacaan Arab dalam kalangan pelajar universiti berdasarkan perbezaan jantina. Kajian berbentuk kuantitatif ini melibatkan seramai 250 pelajar yang dipilih secara rawak mudah berstrata dalam pengkhususan bahasa Arab di empat Universiti Awam. Instrumen ujian ini terdiri daripada Ujian Inventori Minat (tiga genre bacaan) dan tiga teks bahan bacaan Arab beserta soalan kefahaman. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Ujian Mann-Whitney U digunakan bagi menganalisis dapatan kajian. Dapatan analisis minat berdasarkan jantina menunjukkan pelajar perempuan lebih meminati teks genre pendidikan, manakala pelajar lelaki lebih meminati teks genre pemakanan. Walau bagaimanapun, bagi teks genre keagamaan pula, tahap minat mereka adalah sama. Dari aspek tahap pencapaian, pelajar perempuan memperoleh pencapaian yang lebih baik daripada pelajar lelaki bagi teks genre pemakanan dan keagamaan, manakala bagi teks genre pendidikan pula tahap pencapaian mereka adalah sama.

**Kata kunci:** minat, bahan bacaan, tahap pencapaian, bahasa Arab, Universiti Awam

## **THE LEVEL OF INTEREST AND ARABIC READING GENRE MATERIALS ACHIEVEMENT AMONG BACHELOR STUDENTS IN PUBLIC UNIVERSITIES**

### **Abstract**

*The relationship between topic of interest and achievement in learning has become a focus in current literature. The current literatures state that learning is easier and more likely to be successful if students develop a deep interest regarding the topic learnt. Therefore, this study aims to find out the level of interest of the material genre and level of achievement in Arabic reading comprehension among public university students in term of gender. This study is a quantitative study that involved 250 students from Arabic programme in four public universities which were randomly chosen. The respondents were tested using the Interest Inventory Test (3 reading genre) and it involved instruments based on 3 reading texts and comprehension questions. The data was analysed using descriptive analysis and inferential analysis. Mann-Whitney U were used to analyse the objective to find out if there were any significant differences between genre interest and to measure the achievement level of Arabic text based on gender. The result showed that the students showed interest in these three genres: religion, education and diet. In terms of*

*gender, female students were keener on the genre of education while the male students showed more interest in the genre of diet. However, both genders have the same level of interest in the genre of religion. In terms of achievement, the female students have better achievement than male students for the dietary and religious genres while in education genre, they achieved the same level. In terms of year of studies, freshmen recorded the level of highest achievement for religious and education genres.*

**Keywords:** *interest, reading materials, Arabic language, Public university students*

## **PENGENALAN**

Dalam proses mempelajari bahasa Arab, kemahiran membaca juga menjadi satu tuntutan yang penting khususnya kepada pelajar. Mereka perlu membaca bahan dalam bahasa Arab dalam mempelajari subjek tersebut. Pada peringkat yang lebih tinggi seperti Universiti Awam, kemampuan membaca menjadi satu aktiviti yang semakin penting kerana pelajar perlu menguasai bahan bacaan dalam bahasa Arab. Berdasarkan kajian lalu, minat merupakan faktor yang menyumbang kepada penguasaan kemahiran membaca tidak kira bacaan tersebut melibatkan bahasa pertama atau bahasa kedua kepada pembaca. Dalam kajian ini minat yang akan difokuskan adalah menjurus kepada tahap minat pembaca dalam pemilihan genre bahan bacaan dan tahap pencapaian membaca bahan bacaan Arab tersebut. Menurut Yahya (2003), berkemungkinan besar para pelajar akan gagal sekiranya membuat pemilihan bacaan yang tidak tepat dan tidak sesuai dengan kemampuan pemahaman mereka dan tahap motivasi mereka terhadap bahan bacaan tersebut.

Minat merupakan perkara yang penting bagi seseorang individu dalam melakukan sesuatu perkara dan bersifat meningkatkan perhatian dan emosi seseorang pelajar (Schiefel, 1991). Minat dalam pembelajaran terbahagi kepada tiga bahagian; iaitu minat individu (*individual interest*), minat situasi (*situational interest*) dan minat topik (*topic interest*) (Ainley, Hidi, dan Berndoff, 2002). Minat individu boleh digambarkan sebagai minat yang timbul dari dalam diri seseorang individu secara semulajadi dan berterusan terhadap sesuatu perkara atau tugas yang dilakukan, berbanding dengan minat situasi iaitu minat yang timbul bergantung kepada sesuatu keadaan (Schiefel, 1991) dan akhir sekali minat topik iaitu tahap minat seseorang terhadap sesuatu bahan bacaan yang berasaskan kepada topik bacaan yang diminati oleh seseorang pembaca (Hidi, 2001; Ainley, Hidi, dan Berndorff, 2002). Hidi (2001) percaya bahawa kedua-dua minat situasi dan minat individu sebenarnya menyumbang kepada minat topik. Beliau percaya bahawa minat topik merupakan kunci utama dalam proses membaca hal ini kerana perkara pertama yang akan dilakukan oleh pembaca sebelum membaca sesuatu teks bacaan adalah melihat kepada topik bacaan. Oleh itu, berdasarkan huraian di atas kajian tentang membaca teks Arab dipengaruhi oleh pemilihan genre bahan bacaan dan hubungannya dengan tahap pencapaian membaca pelajar harus dilakukan bagi mengenal pasti sejauh mana faktor minat topik yang menfokuskan kepada genre bacaan akan memberi kesan kepada tahap pembacaan pelajar.

## **Objektif**

1. Mengukur tahap minat genre bahan bacaan Arab berdasarkan perbezaan jantina dalam kalangan pelajar universiti awam
2. Mengukur tahap pencapaian membaca bahan bacaan Arab berdasarkan perbezaan jantina dalam kalangan pelajar universiti awam

## SOROTAN LITERATUR

### Definisi membaca

Jika diperhatikan di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), membaca ditakrifkan sebagai memerhati isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya. Membaca melibatkan huruf dan makna daripada bahan bercetak atau terjemahan daripada sesuatu simbol.

Selain itu, Goodman (1994) mentakrifkan membaca sebagai proses psikolinguistik yang bermula daripada pembaca mengamati perkataan yang terdapat dalam teks yang dibaca sehinggalah terbentuknya makna berdasarkan pengamatan yang dilakukan. Seterusnya pembaca akan cuba membuat kesimpulan terhadap bahan bacaan yang telah dibaca (Smith, 1990; Goodman, 1994). Smith (1990) menyatakan dua jenis maklumat yang akan terlibat dalam proses pembacaan iaitu maklumat yang berada di hadapan mata dan maklumat yang mempunyai maksud tersirat, yang mana kedua-duanya memerlukan keupayaan pembaca menggunakan kepakaran tatabahasa yang ada pada pembaca untuk memahami isi kandungannya dengan sebaik mungkin.

Mahoraini (1999) dan Nation (2005) berpendapat, perlakuan membaca ternyata merupakan perlakuan yang kompleks. Menurut mereka, seseorang itu boleh membahagikan konsep membaca kepada dua komponen, satu berkenaan dengan pengekodan perkataan (*decoding*), dan kedua prihatin dengan makna yang disampaikan (kefahaman). Hal ini kerana, seseorang itu perlu berusaha memikirkan isu yang dibaca dengan menggunakan akal fikirannya sendiri. Tambahan lagi di antara perkara yang harus difikirkan ialah isi, persoalan, dan juga maksud sesuatu perkataan, konsep, dan rangkaian kata yang ditemui dalam pembacaannya. Di samping itu, aktiviti membaca akan menyebabkan pembaca menyoal dan bertindak balas dengan memberi idea dan mengaplikasikan maklumat baru ke dalam situasi yang baru (Baharin Abu et al., 2007).

### Teori minat

Minat merupakan satu faktor yang sangat mempengaruhi proses pembelajaran. Setiap individu akan lebih yakin dan mempunyai sikap yang positif terhadap tugas-tugas yang diberikan sekiranya mereka meminati perkara yang dilakukan (Ainley, Hidi & Berndorff, 2002, Hidi, 1990, 2000; Renninger, 1998a, 2000). Hidi (2001) percaya bahawa minat memainkan peranan yang penting dalam proses pembacaan kerana genre bahan bacaan merupakan aspek utama yang akan kita lihat sebelum membaca. Kebiasaannya, genre yang menarik minat pembaca akan mendorongnya untuk meneruskan aktiviti membaca. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai pandangan terhadap bagaimana dan mengapa minat mempengaruhi pembelajaran.

Menurut Hidi (1990), situasi minat (*situational interest*) dan minat individu (*individual interest*) mempengaruhi pemahaman pembaca terhadap sesuatu teks bacaan. *Situational Interest* dipupuk berdasarkan situasi semasa pembaca. Sebagai contoh, seseorang individu sedang menunggu rakannya di bilik menunggu. Pada ketika itu beliau tidak berminat untuk membaca majalah yang berada disisinya kerana topik tersebut tidak diminati. Namun, disebabkan situasi pembaca merasa bosan, beliau telah mengambil majalah tersebut dan terus membacanya (Bergins, 1999:88). Situasi yang hampir sama juga berlaku kepada seorang individu yang tidak meminati subjek matematik. Namun disebabkan situasinya yang membosankan, beliau telah mengambil buku matematik tersebut dan terus membacanya. Minat kepada subjek matematik terbina secara perlahan-lahan dengan hanya tindakan beliau mengambil dan membaca buku matematik tersebut walaupun pada hakikatnya beliau tidak meminati subjek matematik (Renninger et. al. 2004).

*Individual interest* atau minat individu pula ialah maklum balas terhadap minat yang timbul daripada situasi minat atau *situational interest*. Contoh, seseorang yang meminati muzik, sudah pasti pandai bermain muzik (Suzuki, 1983). Sama juga bagi seseorang yang meminati subjek matematik, beliau

akan meminati teknologi (Renninger & Shumar, 2002, 2004). Walau bagaimanapun, menurut Hidi (1990) *situational interest* (minat situasi) dan *individual interest* (minat individu) saling memerlukan antara satu sama lain. Terdapat empat fasa perkembangan minat (Hidi, 1990). Fasa minat yang pertama ialah *Triggered Situational Interest*. Fasa ini merupakan minat membaca yang timbul disebabkan oleh situasi tertentu walaupun pada asalnya seseorang itu tidak minat untuk membaca sesuatu topik. Fasa minat kedua ialah *Maintained Situational Interest*. Fasa ini merupakan fasa minat berkembang setelah sesi pembacaan bermula. Fasa minat ketiga ialah *Emerging Individual Interest*. Fasa ini ialah fasa minat yang muncul secara tiba-tiba dalam diri seseorang individu walaupun pada awalnya pembaca tidak minat terhadap topik bacaannya. Fasa minat keempat *Well-Developed Individual Interest*. Fasa ini merupakan yang terakhir dan minat sepenuhnya terbentuk dalam diri seseorang individu. Oleh kerana itu, Hidi (1990) menyatakan bahawa *topic interest* merupakan satu bahagian yang terdapat dalam *situasi interest* dan akan berkembang sepenuhnya dalam *individual interest*.

Minat dalam konteks pembelajaran boleh dikaji dalam 3 jenis iaitu *individual interest*, *situational interest* dan *topic interest*. Namun Schiefel (1991) mendefinisikan *topic interest* merupakan satu bahagian daripada situasi minat (*situational interest*) berbanding minat individu (*individual interest*). Manakala Ainley, Hidi, dan Berndodff, 2002 pula menyatakan *topic interest* ada dalam *situational interest* dan *individual interest*. Jika diterjemahkan secara literal, istilah *topic interest* boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai minat topik. Walau bagaimanapun, dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 459) perkataan topik didefinisikan secara umum sahaja, iaitu “perkara yang dibincangkan, dipercakapkan, dipelajari dan lain-lain”. , sedangkan perkataan genre bermaksud “kategori atau jenis karya sastera atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk, atau kandungan tertentu” (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015: 1710). Dalam hal ini, makna genre yang dikemukakan oleh kamus tersebut lebih menepati ciri “*topic*” yang dimaksudkan oleh Ainley, Hidi & Berndorff (2002), Hidi (1990, 2000 & 2001), Renninger (1998a & 2000). Maka, pengkaji berpendapat istilah genre lebih sesuai untuk menggantikan topik dalam kajian ini. Justeru, pengkaji berpegang dengan teori minat Hidi (1990) yang menyatakan bahawa *topic interest* mempunyai kaitan dengan *individual interest* dan *situational interest*. Hal ini sedemikian kerana dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji sejauh mana minat seseorang pembaca terhadap genre teks yang dibaca mempunyai hubungan dengan tahap pencapaiannya dalam memahami teks tersebut.

## Isu minat dan membaca

Kemahiran membaca juga dikatakan suatu tindakan yang sangat kompleks yang melibatkan persepsi makna, perasaan dan pemikiran. Kemahiran membaca merupakan aspek yang penting dalam menguasai sesuatu bahasa. Dalam arus kemodenan ini, tahap kemahiran membaca yang tinggi amat diperlukan. Hal ini kerana, situasi dan sumber maklumat perlu berasaskan pengetahuan serta maklumat (Harris dan Sipay, 1980). Di Malaysia khususnya, kajian yang berkaitan dengan kemahiran membaca mendapat perhatian yang meluas dalam kalangan pengkaji bahasa. Ramai pengkaji bahasa termasuklah pengkaji bahasa Arab menjalankan kajian berkaitan kemahiran membaca daripada pelbagai isu. Kajian ini dijalankan kerana timbulnya masalah membaca dalam kalangan pelajar sekolah dan instituti pengajian tinggi. Harrison (1980) dan Alderson (2000) mengelompokkan faktor membaca kepada dua faktor utama iaitu faktor teks dan faktor pembaca. Begitu juga Oakland dan Lane (2004) menyatakan kemahiran membaca melibatkan dua faktor utama iaitu; pembaca dan teks. Pelbagai kajian yang telah dilakukan bagi menyentuh isu tersebut antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Ab. Halim (2016), Irma Martiny et al., (2017) dan Tamam Timbang et al. (2011). Selain itu, kajian tentang isu minat dengan pembaca dijalankan oleh Mohd Zainuddin (2009), Abdul Hakim et al. (2015), Azhar Muhammad et al. (2012), Carrell dan Wise, (1998), Eidswick (2010), Belloni dan Jongsma (1978), Brantmeier (2003), Zurina (2013). Kajian-kajian tersebut diperincikan mengikut subtopik berikut.

## **Minat dan tahap pencapaian membaca**

Minat merupakan salah satu aspek yang mempengaruhi tahap penguasaan dan pencapaian pelajar. Kajian minat yang mempengaruhi tahap penguasaan dan pencapaian telah dijalankan oleh Carrell dan Wise (1998), Belloni dan Jongsma (1978), Eidswick (2010), Brantmeier (2003) dan Baldwin et al. (1985). Kajian Carrell dan Wise (1998) ke atas 109 pelajar daripada pelbagai latar belakang dan negeri mendapati hasil keputusan menjawab soalan kefahaman dalam kalangan pelajar adalah sangat baik berdasarkan teks bacaan yang mereka minati. Begitu juga kajian Brantmeier (2003) yang mengatakan terdapat hubungkait yang sangat kuat terhadap topik bacaan yang diminati dan tahap penguasaan bacaan teks bahasa asing. Kajian tersebut dijalankan terhadap 78 orang pelajar yang sedang menjalani kursus pertengahan di Universiti Midwestern. Selain itu juga, Belloni dan Jongsma (1978) juga mendapati keputusan hasil kajian beliau ke atas 50 orang pelajar menunjukkan pelajar yang berada pada tahap pencapaian yang rendah mampu menguasai teks bacaan yang diminati. Namun begitu, pelajar yang mempunyai minat yang rendah terhadap teks bacaan mereka gagal menguasai teks bacaan dengan baik.

Namun begitu, jika diperhatikan dari sudut penggunaan instrumen kajian daripada bahan bacaan bahasa pertama seperti yang digunakan oleh Baldwin et al. (1985), Belloni dan Jongsma (1978) atau penggunaan instrumen kajian daripada bahan bacaan bahasa kedua (Carrell dan Wise, 1998), (Brantmeier, 2003) dan (Eidswick, 2010), hasil kajian mendapati minat topik memberi kesan positif terhadap pencapaian bacaan teks menggunakan instrumen kajian dari bahasa pertama mahupun bahasa kedua. Kesimpulannya, hasil dapatan keseluruhan kajian di atas selaras dengan pandangan Alderson, (2000); Asher et al., (1978); Berstein, (1955) dan Steven, (1980) yang menyatakan bahawa pada kebiasaannya minat merupakan faktor yang memberi kesan kepada tahap penguasaan membaca teks bahasa pertama. Namun begitu pendapat mereka bertentangan dengan kajian minat ke atas bahasa kedua kerana menurut Alderson, (2000); Asher et al., (1978); Berstein, (1995) dan Steven, (1980), kajian minat tidak memberi kesan kepada teks bacaan bahasa kedua. Walau bagaimanapun, bagi mendapatkan keputusan yang lebih jelas kajian minat genre dan tahap penguasaan teks bacaan sememangnya wajar dilaksanakan bagi mendapatkan hasil kajian yang memuaskan sesuai dengan responden dan bahan ujian yang digunakan.

## **Minat dan pengaruh jantina**

Minat membaca juga mempunyai pengaruh dengan perbezaan jantina (Carrell dan Wise (1998), Eidswick (2010), Brantmeier (2003) dan Zurina (2013). Wujud perbezaan minat membaca di antara pelajar lelaki dan perempuan. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Carrell dan Wise (1998) serta Eidswick (2010) mendapati pelajar lelaki lebih mudah terpengaruh dengan sesuatu topik bahan bacaan yang mereka minati berbanding pelajar perempuan. Dapatan kajian Carrell dan Wise (1998) ini diperolehi melalui 3 stimulus yang telah digunakan dalam kajian mereka yang terdiri daripada Ujian Pengetahuan Asas, Ujian Inventori Minat dan Ujian Pemahaman. Manakala Eidswick (2010) juga memperolehi dapatan kajian yang berbeza daripada aspek tahap minat bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Hasil kajian tersebut telah ditemui melalui soalan kefahaman yang dilampirkan bersama teks bacaan.

Seterusnya, kajian minat dan jantina juga telah dijalankan oleh Brantmeier (2003) berdasarkan objektif utama kajian tersebut iaitu mengenal pasti perbezaan jantina dalam pemilihan topik bacaan. Instrumen kajian yang digunakan ialah teks bacaan dan borang topik bacaan bagi melihat tahap pengetahuan asas terhadap topik bacaan berdasarkan jantina. Hasil kajian mendapati topik dalam teks bacaan yang diminati oleh responden lelaki ialah *boxing* manakala responden perempuan pula ialah *house wife*. Selain itu, dapatan kajian memperlihatkan hubung kait yang sangat kuat di antara topik bacaan yang

diminati dan perbezaan jantina dalam tahap penguasaan bacaan teks bahasa asing. Kajian terhadap minat membaca dilakukan bagi mengkaji perbezaan minat di antara jantina telah dijalankan oleh Zurina (2013) ke atas 86 orang pelajar tingkatan empat di Kuala Terengganu. Hasil dapatan kajian beliau menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai minat yang agak rendah dalam membaca bahan bacaan bahasa Inggeris serta terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Melalui dapatan kajian di atas aspek jantina juga turut menyumbang kepada perubahan tahap minat membaca pelajar. Oleh itu, kajian-kajian lain wajar dijalankan dengan mengambil kira aspek jantina responden.

## **METODOLOGI**

### **Populasi dan sampel kajian**

Dalam kajian ini, seramai 250 orang responden terlibat yang terdiri responden dari UM seramai 50 orang, manakala dari UPM pula seramai 61 orang, seterusnya responden dari UKM seramai 70 orang dan 69 pelajar dari UIAM. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan rawak berstrata. Pemilihan sampel adalah berpandukan kepada Perisian Raosoft (2004) dengan tahap keyakinan 93% (bilangan yang diperlukan untuk populasi 1042 orang ialah seramai 250 orang).

Jadual 1 dibawah menjelaskan taburan sampel dari segi jantina, jenis universiti dan tahun pengajian.

Jadual 1: Taburan sampel mengikut jantina, nama universiti dan tahun pengajian

Jantina (J)			Sampel ikut Universiti (U)			Tahun Pengajian (TP)		
J	N	%	U	N	%	TP	N	%
Lelaki	109	43.6	UPM	61	24.1%	Tahun 1	30	12
Perempuan	141	56.4	UKM	70	28.0%	Tahun 2	75	30
			UIAM	69	27.6%	Tahun 3& lain-lain	135	58
			UM	50	20.0%			

Taburan data di dalam jadual 1 menunjukkan bahawa bilangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan mempunyai frekuensi yang berbeza. Seramai 109 (43.6%) orang pelajar lelaki yang terlibat dalam kajian ini berbanding pelajar perempuan iaitu seramai 149 orang (56.4%). Selain itu, jadual di atas menunjukkan bilangan keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 250 orang. Jumlah responden yang tertinggi merupakan pelajar UKM seramai 70 orang atau 28.0%. Seterusnya diikuti dengan pelajar UIAM seramai 69 orang atau 27.6%. Manakala jumlah responden dari UPM pula seramai 61 orang atau 24.1%. Seterusnya jumlah responden dari UM pula adalah yang terendah iaitu 50 orang atau 20.0%.

### **Instrumen kajian**

Dalam kajian ini, pemilihan teks/bahan bacaan yang digunakan diambil daripada buku-buku yang bersesuaian dengan pelajar universiti. Teks ini kemudiannya dinilai oleh para pensyarah dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM). Tujuan penilaian ini adalah bagi melihat kesesuaian petikan tersebut daripada segi pemilihan tajuk, gaya bahasa yang digunakan, bilangan patah perkataan dan juga soalan-soalan yang akan dijawab oleh responden. Kajian ini menggunakan tiga bahan bacaan (teks) daripada genre yang berbeza. Untuk setiap teks terdapat sepuluh soalan yang dibina mengikut peringkat Taksonomi Bloom (1956). Semasa kajian dilakukan instrumen ujian diedarkan kepada responden yang telah dipilih secara rawak berstrata. Instrumen kajian diedarkan mengikut jumlah responden yang berada di universiti yang berbeza. Tarikh dan masa kajian dijalankan adalah berbeza mengikut kelapangan responden. Semua responden kajian dikumpulkan dalam satu kelas yang selesai dan diberikan masa selama satu jam setengah untuk membaca teks dan seterusnya menjawab kesemua soalan kefahaman yang dilampirkan.

### **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

#### **Analisis perbezaan tahap minat berdasarkan jantina**

Objektif kajian yang pertama diuji dengan menggunakan Ujian Mann-Whitney U. Hal ini bagi melihat perbezaan tahap minat berdasarkan jantina terhadap ketiga-tiga genre bahan bacaan.

#### **Analisis perbezaan tahap minat genre keagamaan, pendidikan dan pemakanan berdasarkan jantina**

Jantina	Keagamaan	Pendidikan	Pemakanan
Lelaki	126.70	114.30	140.53
Perempuan	124.57	134.16	113.88
Mann-Whitney U	7553.500	6463.500	6046.500
Wilcoxon W	17564.500	12458.500	16057.500
z	-.245	-2.314	-3.074
Asymp. Sig. (2-tailed)	.806	.021	.002

HA 1: Terdapat perbezaan tahap minat bagi genre keagamaan, pendidikan dan pemakanan berdasarkan jantina

Jadual 2 Perbezaan tahap minat genre keagamaan, pendidikan dan pemakanan berdasarkan jantina

\*Paras signifikan pada 0.05

Jadual 2 di atas, menunjukkan keputusan analisis ujian Mann-Whitney U. Keputusan Ujian ( $z = -.245$ ,  $p = .806$ ) adalah tidak signifikan pada aras  $p > .05$  kerana nilai  $p = .806$  melebihi 0.05. Hal ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap minat bagi genre keagamaan berdasarkan jantina. Seterusnya, bagi teks genre pendidikan; keputusan Ujian ( $z = -2.314$ ,  $p = .021$ ) adalah signifikan pada aras  $p < .05$ . Nilai min pangkatan bagi kumpulan lelaki yang lebih rendah (min kumpulan lelaki=114.30; min pangkatan perempuan=134.16) menunjukkan bahawa tahap minat pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki terhadap genre keagamaan. Ini bermakna pelajar perempuan lebih meminati genre pendidikan berbanding pelajar lelaki. Seterusnya jadual di atas, menunjukkan keputusan analisis ujian Mann-Whitney U bagi teks pemakanan. Keputusan Ujian ( $z = -3.074$ ,  $p = .002$ ) adalah signifikan pada aras  $p < .05$ . Nilai min pangkatan bagi kumpulan lelaki yang lebih tinggi (min kumpulan lelaki=140.53; min pangkatan perempuan=113.88) menunjukkan bahawa tahap minat pelajar lelaki lebih tinggi berbanding pelajar perempuan terhadap genre pemakanan. Ini bermakna pelajar lelaki lebih meminati genre pemakanan berbanding perempuan. Justeru itu, hipotesis alternatif (HA 1) terdapat perbezaan tahap minat bagi genre keagamaan, pendidikan dan pemakanan berdasarkan jantina hanya diterima untuk teks genre pemakanan dan pendidikan sahaja.

### **Analisis tahap pencapaian membaca bagi teks keagamaan, teks pendidikan dan teks pemakanan berdasarkan jantina**

Bagi mencapai objektif kedua ini, analisis dilakukan dengan menggunakan Ujian Mann-Whitney U bagi melihat perbezaan tahap pencapaian berdasarkan jantina bagi ketiga-tiga teks.

HA 2: Terdapat perbezaan tahap pencapaian membaca bagi teks genre keagamaan, pendidikan dan pemakanan berdasarkan tahunpengajian.

Jadual 3 Perbezaan tahap pencapaian bagi teks keagamaan, pendidikan dan pemakanan berdasarkan jantina (N=250)

		Keagamaan	Pendidikan	Pemakanan
Lelaki	109	119.56	125.38	112.82
Perempuan	141	130.09	125.59	135.30
Mann-Whitney U		7037.000	7671.500	6302.500
Wilcoxon W		13032.000	13666.500	12297.500
Z		-1.174	-.023	-2.475
	Asymp. Sig. (2-tailed)	.240	.981	.013

\*Paras signifikan pada 0.05

Jadual 3 di atas menerangkan keputusan ujian Mann-Whitney U iaitu sama ada terdapat perbezaan pencapaian membaca teks genre keagamaan, pendidikan dan pemakanan berdasarkan perbezaan jantina.



Keputusan ujian ( $z = -1.174$ ,  $p = .240$ ) adalah tidak signifikan pada aras  $p < .05$ . Oleh yang demikian, tidak terdapat perbezaan tahap pencapaian membaca teks keagamaan berdasarkan perbezaan jantina. Seterusnya, keputusan ujian ( $z = -.023$ ,  $p = .981$ ) adalah tidak signifikan pada aras  $p < .05$  bagi teks pendidik kerana bacaan signifikan yang ditunjukkan lebih besar daripada 0.05, iaitu 0.981. Ini bermakna teks genre pendidikan juga tidak terdapat perbezaan tahap pencapaian membaca berdasarkan perbezaan jantina. Manakala keputusan ujian ( $z = -2.475$ ,  $p = .013$ ) bagi teks pemakanan adalah signifikan pada aras  $p < .05$ . Ini bermakna terdapat perbezaan tahap pencapaian membaca teks pemakanan berdasarkan perbezaan jantina. Hasil analisis menunjukkan nilai min pangkatan kumpulan responden perempuan yang lebih tinggi (min=135.30) berbanding min pangkatan responden lelaki (min=112.82). Ini menunjukkan bahawa responden perempuan mempunyai tahap pencapaian yang lebih tinggi berbanding responden lelaki dalam membaca teks pemakanan. Justeru itu hipotesis alternative ( $H_A 2$  terdapat perbezaan pencapaian membaca berdasarkan perbezaan jantina hanya diterima untuk teks genre pemakanan sahaja.

## **PERBINCANGAN**

### **Perbincangan analisis tahap minat dan tahap pencapaian bagi tiga genre bahan bacaan mengikut jantina**

Analisis inferensi berkaitan dengan perbezaan tahap minat bagi ketiga-tiga genre (genre keagamaan, genre pendidikan dan genre pemakanan) bacaan bahasa Arab menggunakan ujian Mann-Whitney U. Hasil ujian menunjukkan, hanya dua genre sahaja daripada tiga genre yang terdapat perbezaan minat berdasarkan jantina iaitu genre pemakanan dan genre pendidikan. Bagi genre pendidikan, pelajar perempuan lebih meminati genre tersebut berbanding pelajar lelaki. Manakala genre pemakanan pula, pelajar lelaki lebih meminati genre pemakanan berbanding pelajar perempuan. Dalam analisis inferensi bagi tahap pencapaian membaca teks berdasarkan perbezaan jantina. Data yang diperoleh menerusi ujian Mann-Whitney U menunjukkan bahawa apabila perbandingan dibuat, hanya perbezaan signifikan terdapat pada tahap pencapaian membaca teks berdasarkan jantina pada teks pemakanan apabila pelajar perempuan mempunyai tahap pencapaian yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Kesimpulan daripada kedua-dua dapatan di atas didapati walaupun minat pelajar lelaki terhadap genre pemakanan adalah tinggi, namun tahap pencapaian membaca tetap berpihak kepada pelajar perempuan. Walaupun mereka kurang minat membaca teks genre pemakanan, namun pelajar perempuan tetap memperolehi tahap pencapaian yang lebih baik berbanding pelajar lelaki.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini adalah sebuah penyelidikan yang melihat kepada tahap minat genre seorang pembaca dan kesannya terhadap tahap pencapaian membaca. Bahan bacaan dalam kajian ini adalah terdiri dari genre bacaan yang berbeza. Hasil dapatan mendapati salah satu genre yang diminati oleh pelajar bachelor UA ialah genre keagamaan. Dapatan kajian ini sepadan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Mohammad Zainuddin (2009) ke atas pelajar Fakulti Pengajian Islam yang menyatakan, para pelajar lebih berminat untuk membaca teks bahasa Arab yang mempunyai kaitan dengan bidang mereka sahaja iaitu bidang keagamaan berbanding bidang lain seperti sukan dan isu semasa. Selain itu, jika dibandingkan tahap minat bagi ketiga-tiga teks bahan bacaan berdasarkan jantina, pengkaji mendapati perbezaan minat hanya terdapat pada teks pendidikan dan teks pemakanan sahaja. Bagi teks pendidikan pelajar perempuan lebih meminati teks pendidikan berbanding pelajar lelaki. Manakala bagi teks pemakanan pula, pelajar lelaki lebih meminati teks pemakanan berbanding perempuan.

Manakala dari aspek tahap pencapaian membaca pula, perbezaan yang signifikan terdapat pada tahap pencapaian membaca teks berdasarkan jantina pada teks pemakanan. Hasil dapatan tahap pencapaian membaca pelajar Universiti Awam terhadap ketiga-tiga teks bahan bacaan Arab ini diperoleh menerusi Ujian Mann-Whitney U. Tahap pencapaian membaca teks pemakanan menunjukkan pelajar perempuan mempunyai tahap pencapaian yang lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Manakala tahap pencapaian bagi teks keagamaan dan teks pendidikan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dari aspek jantina. Ini bermakna pencapaian membaca bagi pelajar lelaki dan perempuan adalah setara. Keadaan ini berkemungkinan berlaku kerana ada faktor-faktor lain yang mempengaruhi pembacaan pelajar seperti aras kesukaran sesebuah teks atau bahan bacaan (Chall, 1949). Sebuah teks bacaan akan menjadi sukar sekiranya pembaca tidak dapat memahami makna perkataan, gaya bahasa atau tidak memahami kehendak soalan (Oakland dan Lane, 2004) walaupun soalan-soalan berdasarkan ketiga-tiga teks yang dibina oleh pengkaji dalam kajian ini telah menepati aras soalan Taksonomi Blooms.

Untuk membentuk sikap pembaca dengan cara yang positif, pengkaji juga perlu memberi fokus dari aspek lain seperti kesesuaian teks dan pembaca, iaitu ciri teks (Edyta Charzyńska, 2015). Kejayaan mendorong orang membaca bahan untuk sekolah atau pekerjaan mereka bergantung antara lain pada pilihan teks yang mahir yang sesuai untuk pembaca (Hrabí et al. 2014). Selain itu, kajian lanjut dengan menitik beratkan terhadap perbezaan tahap pembaca sangat digalakkan. Kepelbagaian jenis soalan dalam teks bacaan yang terdapat di dalam instrument kajian juga boleh diberi tumpuan supaya dapat dapatan yang diperolehi pelbagai (Sıla Ay & Özgür Şen Bartan Ankara, 2012). Selain itu juga, kajian sebegini sesuai untuk dijalankan pada pelbagai peringkat mahupun bidang.

## **BIBLIOGRAFI**

- Ainley, Hidi, dan Berndoff. (2002). Interest, learning, and the psychological process that mediate their relationship. *Journal of Educational Psychology*, 94, 1-7
- Alderson, J.C. (2000). *Assessing reading*. Cambridge, England: Cambridge University Press.  
<http://dx.doi.org/10.1037/0022-0663.94.3.545>
- Abdullah, Abdul Hakim and Sulaiman, Ab. Aziz and Wan Abdullah, Wan Ismail (2015) *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporer, 10 (July). pp. 104-121. ISSN 1985-7667 (printed) 2289-6325 (online).
- Baldwin, R. S. Peleg-Brucker, Z, & Q x 1`S SSSAMcClintock. A. H. (1985). Effects of topic interest and prior knowledge. *Reading Research Quarterly*, 20, 497-504.
- Belloni, L. R., & Jongsma, E. A. (1978). The effects of interest on reading comprehension of low-achieving students. *Journal of Reading*, 22, 106-109.
- Bernstein, M. R. (1995). Relationship between interest and reading comprehension. *Journal of Educational Research*, 49, 283-288.
- Bloom, Benjamin S. & David R. Krathwohlthy. (1956). Taxonomy of educational objectives: The classification of educational goals, by a committee of college and examiners. Handbook 1: Cognitive domain. New York, Longmans.
- Brantmeier, C. (2003). Does gender make a difference? Passage content and comprehension in second language reading. *Reading in a Foreign Language*, (15)1, 1-24.
- Carrell, P. L., & Wise, T. E. (1998). The relationship between prior knowledge and topic interest in second language reading. *Studies in Second Language Acquisition*, 20, 285-309.
- Edyta Charzyńska. (2015). Text topic interest, the willingness to read and the level of reading comprehension among adults – the role of gender and education level. *The New Educational Review* 39(1):84-95.
- Eidswick, J. (2010). Interest and prior knowledge in second language reading Comprehension. *JALT Journal*, 32(2), 149-168
- Goodman, K. S. (1994). Reading writing and written text: A transactional sosio psycholinguistic view. In R.B. Ruddle, M.R. Ruddle, & H. Singer. Eds. *Theoretical models and process of reading*. 4th Edition. Newark: International Reading Association.
- Hidi, S. (2001). Interest, reading, and learning: Theoretical and practical considerations. *Educational psychology review*, 13, 191-209.<http://dx.doi.org/10.1023/A:1016667621114>
- Hrabí, L., Vránová, O., Machar, I., & Pechanec, V. (2014). Text difficulty in Czech Natural Science Textbooks for the Fourth Grade. *New Educational Review*, 35 (1), 29-40.
- Mahoraini Yusoff. (1999). *Strategi Pengajaran Bacaan dan Kefahaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (8, 11 dan 15).
- Renninger, K. A. (2000). Individual interest and its implications for understanding intrinsic motivation. In C. Sansone & J. M. Harackiewicz (Eds.), *Intrinsic and extrinsic motivation: The search for optimal motivation and performance* (pp. 375-407). New York: Academic.
- Schiefel, U. (1991). Interest, learning, and motivation. *Educational psychologist*, 26, 299-324.
- Sıla Ay & Özgür Şen Bartan Ankara. (2012). The Effect of Topic Interest and Gender on Reading Test Types in a Second Language. University Primary School
- Smith, T. W. (1990). National service. *The Public Opinion Quarterly*, 54(2): 273-285.
- Stevens, K. (1980). The effect of topic interest on the reading comprehension of higher ability students. *Journal of Educational Research*, 73, 365-368.
- Suzuki, S. (1983). *Nurtured by love* (W. Suzuki, Trans.). Athens, OH: A Senzay
- Yahya Othman. (2003). *Mengajar membaca teori dan aplikasi panduan meningkatkan kemahiran mengajar membaca*. PTS Publication & Distributions.
- Zainuddin Abu Bakar et al. (2009). Pengaruh sikap, minat, pengajaran guru, dan rakan sebaya terhadap pencapaian Matematik pelajar. No. Vot Penyelidikan: 78172, Fakulti Pendidikan, UTM, Johor.

*Tahap Minat Dan Pencapaian Membaca Genre Bahan Bacaan Arab Dalam Kalangan Pelajar Bachelor  
Universiti Awam*

*Noor Adawiyah Ahmad Radzi Nik Farhan Mustapha & Pabiyah Hajimaming @ TokLubok*

Zurina Khairuddin. (2013). A Study of Students' Reading Interests in a Second Language. *International Education Studies: Vol. 6, No. 11*,159-170, <http://dx.doi.org/10.5539/ies/v6n11p160>.